# MINIT MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) ISO UPM
# TAHUN 2023 (KALI KE-13)
# SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS) ISO 9001 DAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) ISO 27001

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 19 September 2023 (Selasa) |
| Masa | : | 9.00 pagi – 1.45 tengah hari |
| Tempat | : | Dewan Senat, UPM dan menerusi Aplikasi *Zoom Meeting* |
| Kehadiran | : | **Lampiran A** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| **13.1** | **KATA ALUAN PENGERUSI** | |
| | Pengerusi: | |
| | (a) mengalukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Tahun 2023 kepada yang hadir secara fizikal di Dewan Senat, UPM serta atas talian *zoom*; | **Makluman** |
| | (c) mengumumkan pelantikan ahli mesyuarat baharu dan ucapan terima kasih kepada ahli yang telah tamat tempoh sebagaimana **Lampiran Kertas Agenda 1.0**; | **Makluman** |
| | (d) mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua pekerja Universiti Putra Malaysia (UPM) kerana berjaya mengekalkan pensijilan ISO 9001:2015 dengan nombor persijilan QMS 00794 dan ISO /IEC 27001/2013 pada tahun 2020 dengan nombor persijilan ISMS 00150; | **Makluman** |
| | (d) memaklumkan UPM telah dipersijilkan dengan satu pensijilan ISO 9001 mulai tahun 2011 hingga kini manakala pensijilan ISMS mulai 2012 dan UPM komited untuk mengekalkan pensijilan ISO 9001:2015 dan ISO/IEC 27001:2013 pada tahun 2023; | **Makluman** |
| | (e) memaklumkan berkenaan skop pensijilan UPM iaitu:<br><br>i. <u>Skop Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti</u>:<br>"Perkhidmatan pengajian pendidikan di peringkat *tertiary*, pengurusan dan pelaksanaan penyelidikan, perhubungan industri dan masyarakat, pengurusan pembangunan pelajar dan alumni, dan perkhidmatan korporat". Skop Sistem Pengurusan Kualiti yang merangkumi semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran prauniversiti, prasiswazah (kecuali pra persediaan Diploma Sains) dan siswazah, pengurusan dan pelaksanaan penyelidikan, dan perkhidmatan sokongan. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | ii. Skop Pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat:<br><br>1) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Merangkumi Aktiviti Semakan Tawaran hingga Pendaftaran Kolej Kediaman.<br><br>2) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Proses Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti.<br><br>Kecuali:<br>Pendaftaran kursus dan aktiviti kemasukan pendaftaran pelajar baharu prasiswazah untuk:<br><br>i. Pengajian Jarak Jauh;<br>ii. Program untuk Eksekutif; dan<br>iii. Antarabangsa | |
| | (f) memaklumkan Pernyataan Dasar Sistem Pengurusan Kualiti dan Dasar Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat UPM yang dibuat oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) pada 10 Disember 2019 adalah masih relevan dan sesuai dengan keperluan Standard ISO 9001:2015 dan ISO/IEC 27001:2013. Pengerusi memaklumkan bahawa LPU adalah pemegang kuasa pembuat dasar. | **Makluman** |
| | (g) memaklumkan berkaitan pelaksanaan MKSP adalah keperluan dalam Standard MS ISO 9001:2015 dan ISO/IEC 27001:2013 Klausa 9.3 yang perlu dilaksana sebelum Audit Badan Pensijilan yang mana sekiranya tidak dilaksana akan mendapat laporan ketakakuran (NCR). | **Makluman** |
| | (h) mengimbas semula keahlian, terma rujukan (TOR) dan kekerapan pelaksanaan MKSP sebagaimana **Lampiran Kertas Agenda 1.0**. | **Makluman** |
| **13.2** | **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MKSP ISO QMS DAN ISMS 2022**<br><br>Minit MKSP ISO QMS dan ISMS tahun 2022 disahkan dengan pindaan pada Minit 12.3(d) bagi *font* tajuk laporan iaitu daripada "Laporan Agenda 8.1, keberkesanan tindakan menangani risiko strategik UPM" kepada "Laporan Agenda 8.1- Keberkesanan Tindakan Menangani Risiko Strategik UPM." | **Setiausaha** |
| **13.3** | **TINDAKAN SUSULAN DARIPADA MESYUARAT LEPAS**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum sebanyak 18 tindakan susulan MKSP ISO QMS dan ISMS Tahun 2022 telah dilaksana daripada mesyuarat yang lepas. Keterangan lanjut sebagaimana **Lampiran Kertas Agenda 3.0.** Mesyuarat turut mengambil perhatian kepada 10 perkara berikut: | **Makluman** |
| | (a) Minit 12.3(b) – Mesyuarat mengambil perhatian berkenaan tindakan susulan dari mesyuarat lepas iaitu: | |
| | i. isu keselamatan maklumat/data iaitu berkenaan risiko banjir di kawasan Pusat Data Utama. Mesyuarat mengambil maklum maklumbalas Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC), permohonan *Rolling Plan* ke 4 tidak diteruskan kerana tidak melibatkan projek pembinaan bangunan baharu dan | **TWP PP iDEC** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | maklumbalas pihak Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA) telah mengambil tindakan membersih dan membesarkan longkang menyebabkan analisa risiko banjir telah bertukar menjadi sederhana. Mesyuarat juga mengambil maklum pandangan ahli bahawa perlu ada pelan tindakan lain bagi mengurangkan risiko seandainya berlaku banjir yang di luar jangkaan. Pihak iDEC diminta meneliti dan menimbangkan cadangan untuk melakukan tebatan bagi mengurangkan risiko. UPM juga perlu membuat perancangan untuk menyimpan data menggunakan 'Cloud' dengan mengambil kira jumlah kos yang diperlukan dan sekiranya melibatkan kos yang agak besar ianya boleh dibuat secara berperingkat. | |
| | ii. mengambil perhatian serius berkenaan isu penggodaman/ pencerobohan laman sesawang PTJ di mana pihak iDEC telah mengambil tindakan pamantauan dan kawalan berterusan. Bagi tahun 2023 terdapat 2 insiden pencerobohan melibatkan UPM Kampus Bintulu dan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK). Pihak iDEC telah mengambil langkah menghentikan pencerobohan dan telah menambah baik dari segi keselamatan termasuk memberi penerangan kepada pentadbir sistem berkenaan langkah yang perlu diambil bagi memastikan perkara ini dapat dicegah. | **TWP PP iDEC** |
| | (b) <u>Minit 12.5.1(h)</u> – Mesyuarat mengambil maklum: | |
| | i. status terkini Sistem SMP 4.0 yang mengintegrasikan Sistem SMP (Prasiswazah) dan iGIMS (Siswazah) dijangka akan digunakan sepenuhnya pada Oktober 2024, walau bagaimanapun mesyuarat meminta sistem ini digunakan dahulu (*trial run*) pada hujung tahun 2023. | **TWP PP iDEC** |
| | ii. berkenaan tempoh menunggu pelajar (selepas menghantar tesis dengan tarikh *viva voce)* dan langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) namun masih terdapat keadaan di mana penilai luar lewat menghantar laporan walaupun telah diberi tarikh akhir. Perkara ini akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Siswazah Universiti (JKPSU) dan SPS akan melihat ruang penambahbaikan yang ada. | **TWP PP SPS** |
| | iii. capaian internet dalam bilik kuliah sedang dalam proses pelaksanaan Fasa 2 dan pelaksanaan baharu lebih kepada *bandwith* yang besar dengan pertambahan bilangan *wifi* dan dijangka siap pada 30 Oktober 2023. Mengambil perhatian bagi membantu pihak iDEC membangun sistem yang mantap, iDEC memerlukan kerjasama pemilik sistem iaitu Bahagian Akademik perlu mahir dari segi Peraturan Perkara Akademik supaya sistem yang dibangunkan adalah selaras dengan keperluan peraturan tersebut. | **TWP PP iDEC** |
| | (c) <u>Minit 12.6.1.1(d)</u> – Mesyuarat mengambil maklum berkaitan program *Summer School* yang tidak mencapai sasaran pada tahun lepas disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) namun tahun ini Pusat Antarabangsa akan cuba meningkatkan pencapaian dan pemantauan melalui Penyelaras yang telah dilantik di setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ). | **TWP PP PEJ. TNCAA & TWP i-PUTRA** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (d) <u>Minit 12.6.1.1(e)</u> – Mesyuarat mengambil maklum KPI Skop Penyelidikan dan Inovasi tidak mencapai sasaran dengan maklumbalas Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)/(TNCPI) adalah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan *Putra Science Park* (PSP) telah merangka strategi dan inisiatif termasuk meraikan pencapaian penyelidik cemerlang serta memberi insentif bersesuaian. Mesyuarat meminta Pejabat TNCPI bekerjasama dengan CADe-Lead untuk merancang bengkel-bengkel berfokus bagi membantu pensyarah menacapai KPI. | **TWP PEJ. TNCPI** |
| | (e) <u>Minit 12.6.1.1(f)</u> – Mesyuarat mengambil maklum berkaitan KPI visibiliti pertanian yang tidak mencapai sasaran, Fakulti Pertanian sedang melaksanakan *urban farming* termasuk bekerjasama dengan Pusat Pertanian Putra untuk mengaktifkan lagi aktiviti pertanian termasuk menghidupkan semula projek *sensory garden* yang terbengkalai. | **TWP Fakulti Pertanian** |
| | (f) <u>Minit 12.6.1.2(e)</u> – Mesyuarat mengambil maklum cadangan untuk menggabungkan skop proses utama Prasiswazah dan Siswazah di bawah peneraju yang sama, perkara ini akan dibincangkan dan akan diteliti kesesuaian pelaksanaannya. | **TWP PP PEJ. TNCAA & TWP PP SPS** |
| | (g) <u>Minit 12.6.4(g)</u> – Mesyuarat mengambil maklum berkenaan pembekal luar yang tidak dapat memenuhi keperluan kontrak kerana Perintah Kawalan pergerakan (PKP) telah dibawa untuk kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti untuk penggantian kerja yang bersesuaian dengan pengesahan Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) serta pindaan kepada klausa di dalam kontrak perbekalan telah dibuat bersama pihak Pejabat Penasihat Undang-undang (PPUU) dengan mengambilkira situasi diluar kawalan seperti arahan PKP. | **Makluman** |
| | (h) <u>Minit 12.7.1(g)</u> – Mesyuarat mengambil maklum berkaitan pencapaian Projek Pembangunan Sistem Transformasi Aplikasi Sumber Manusia (HRT) masih dalam proses pelaksanaan seperti yang dirancang, manakala berkenaaan masalah *sync* data secara automatik masih dalam tindakan iDEC. | **Makluman** |
| | (i) <u>Minit 12.8.2(j)</u> – Mesyuarat mengambil maklum iaitu 2 isu tahap risiko tinggi yang berulang untuk tahun 2021 dan 2022 seperti berikut: | |
| | i. bagi sistem eKlinik Pergigian, Pusat Kesihatan Univeriti telah mendapat maklumbalas dari Pejabat Pendaftar dan Pejabat Bursar bahawa sistem ini akan dibangunkan secara dalaman oleh iDEC bagi penjimatan kos universiti; | **TWP PP PKU** |
| | ii. bagi I-AQUAS pula ia berkaitan dengan kos membaikpulih infrastruktur *hatcheri* sebanyak RM2.8 juta, dan masih menunggu keputusan permohonan *Rolling Plan* ke 4 dalam RMK 12. | **TWP I-AQUAS** |
| | (j) <u>Minit 12.10.1(b)</u> – Mesyuarat mengambil perhatian berkaitan cadangan penamatan pensijilan ISO9001 dan ISO/IEC 27001 UPM dan mesyuarat mengambil maklum: | **TWP CQA** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | i. melalui beberapa siri perbincangan secara dalaman telah bersetuju bahawa ISO 27001 diteruskan kerana mengambil kira isu semasa keselamatan maklumat yang penting dan perlu diberi perhatian;<br><br>ii. bagi ISO 9001 satu soal selidik telah dilaksanakan bermula 15 Mei 2023 sehingga 31 Mei 2023 menerusi hebahan info@upm.edu.my bertujuan mengumpul maklum balas warga UPM. Hasil soal selidik menunjukkan sebanyak 69% bersetuju pensijilan QMS dikekalkan manakala 39% bersetuju pensijilan QMS ditamatkan. Laporan terperinci hasil soal selidik adalah seperti pada **Lampiran A1**;<br><br>iii. Pusat Jaminan Kualiti (CQA) telah meneliti input cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam maklumbalas tersebut termasuk cadangan mengadakan sistem jaminan kualiti secara dalaman;<br><br>iv. CQA sedang dalam proses membangun Kerangka Jaminan Kualiti /*Quality Assurance Framework* di mana dalam kerangka ini akan menyatakan berkenaan jaminan kualiti perkhidmatan dan akademik secara menyeluruh;<br><br>v. satu *taskforce* akan diwujudkan untuk meneliti kesesuaian mengadakan sistem jaminan kualiti secara dalaman; dan<br><br>vi. sehingga Kerangka Jaminan Kualiti diterima dan dilaksanakan oleh UPM, pelaksanaan ISO 9001 masih diteruskan sebagaimana sekarang. | |
| 13.4 | **PERUBAHAN ISU LUARAN DAN DALAMAN UNIVERSITI YANG RELEVAN DENGAN SISTEM ISO**<br><br>**13.4.1 Perubahan Isu Luaran dan Dalaman Universiti yang Relevan dengan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Perubahan Isu Luaran dan Dalaman Universiti yang Relevan dengan Sistem Pengurusan Kualiti sebagaimana pada **Lampiran Kertas Agenda 4.0 (a).** Mesyuarat:<br><br>(a) mengambil maklum UPM perlu menentukan isu luaran dan dalaman yang relevan untuk mencapai hasil yang dihasratkan dalam Sistem Pengurusan Kualiti serta perlu dipantau dan dikaji maklumat isu ini sebagaimana keperluan Standard Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 Klausa 4.1, Memahami Organisasi dan Konteksnya.<br><br>(b) mengambil maklum keperluan pelaporan perubahan isu dalaman dan luaran yang relevan dengan Sistem Pengurusan Kualiti adalah bagi mematuhi keperluan Standard ISO 9001:2015 Klausa 9.3.2, Input Kajian Semula Pengurusan. | <br><br><br><br><br><br><br><br><br>**Makluman**<br><br><br><br><br><br><br>**Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (c) mengambil perhatian jumlah pernyataan isu keseluruhan di UPM pada tahun 2023 adalah sebanyak 375 isu. Pecahan isu mengikut kategori PTJ adalah sebagaimana pada Lampiran Kertas Agenda 4.0 (a). | **Makluman** |
| | (d) mengambil perhatian PTJ telah mengenal pasti isu yang relevan dengan fungsi/skop PTJ masing-masing pada setiap tahun. Tindakan yang diambil oleh PTJ ke atas pernyataan isu luaran dan dalaman adalah seperti berikut:<br><br>i. Gugur/Hapus, bagi isu luaran dan dalaman :<br>a. Tahap penilaian risiko adalah 'Rendah' selama 2 tahun berturut-turut boleh digugurkan pada tahun berikutnya jika tidak lagi memberi impak kepada PTJ;<br>b. Tidak relevan dengan operasi Pusat Tanggungjawab.<br><br>ii. Kekal, bagi isu luaran dan dalaman:<br>a. Tahap penilaian risiko 'Rendah' dengan tindakan sedia ada yang terkawal dan masih dalam tempoh pemantauan 2 tahun atau lebih jika masih relevan dengan PTJ;<br>b. Tahap penilaian risiko 'Sederhana' dan 'Tinggi', dengan kawalan sedia ada dan strategi tindakan yang masih relevan dan dalam tempoh tindakan pelaksanaan.<br><br>iii. Tambah/baru, bagi isu luaran dan dalaman baru dikenal pasti yang relevan dengan operasi Pusat Tanggungjawab berdasarkan isu/situasi semasa. | **Makluman** |
| | (e) mengambil perhatian sebanyak 81 isu baru dan 294 isu sedia ada (isu tahun 2022 yang dikenal pasti dan disenaraikan semula tahun 2023). Pecahan isu berdasarkan kategori fungsian/operasi ditunjukkan dalam graf sebagaimana Lampiran Kertas Agenda 4.0 (a). | **Makluman** |
| | (f) mengambil maklum perbandingan isu luaran dan dalaman antara tahun 2022 dan tahun 2023 menunjukkan penurunan sebanyak 10 pernyataan isu dalaman dan penurunan sebanyak 30 pernyataan isu luaran. Mesyuarat juga dimaklumkan semua pernyataan isu luaran dan dalaman yang dikenal pasti oleh PTJ, telah dibincang dan disahkan di peringkat pengurusan PTJ masing-masing. | **Makluman** |
| | **13.4.2 Perubahan Isu Luaran dan Dalaman yang Relevan Dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)**<br><br>Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum berhubung Laporan Perubahan Isu Luaran dan Dalaman Universiti yang relevan dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) adalah seperti pada **Lampiran Kertas Agenda 4.0 (b)** yang telah dibentang oleh Wakil Timbalan Wakil Pengurusan ISMS. Pelaporan ini merupakan input maklum balas prestasi | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | keselamatan maklumat sebagaimana keperluan yang dinyatakan dalam Standard MS ISO/IEC 27001:2013 di bawah Klausa 9.3 (b). | |
| | (b) mengambil maklum isu luaran dan dalaman yang relevan dengan pelaksanaan ISMS telah dinyatakan dalam Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat UPM dengan tarikh kemaskini 28 Februari 2023 yang mana perinciannya boleh rujuk melalui Portal Sistem Pengurusan ISO (eISO) UPM. | **Makluman** |
| | (c) mengambil maklum terdapat perubahan bilangan isu luaran dan dalaman ISMS UPM tahun 2023 seperti berikut:<br><br>i. empat (4) isu baharu dikenalpasti memberi impak kepada pelaksanaan ISMS UPM;<br>ii. 18 isu sedia ada yang masih relevan dikekalkan; dan<br>iii. empat (4) isu sedia ada digugurkan kerana tidak lagi relevan dengan pelaksanaan ISMS UPM. | **Makluman** |
| | (d) mengambil maklum berhubung pembentangan maklumat isu luaran dan dalaman ISMS tahun 2023 seperti berikut:<br><br>i. sebanyak 22 isu secara keseluruhan iaitu melibatkan sepuluh (10) isu luaran dan 12 isu dalaman yang berkait dengan pelaksanaan ISMS UPM;<br>ii. peningkatan jumlah isu tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak tiga (3) isu luaran dan dua (2) isu dalaman;<br>iii. pecahan jumlah isu luaran dan dalaman tahun 2023 mengikut pasukan ISMS adalah seperti berikut:<br><br>• Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang sebanyak lima (5) isu iaitu kekal sebagaimana tahun 2022;<br>• Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu sebanyak enam (6) isu iaitu meningkat sebanyak dua (2) isu berbanding tahun 2022;<br>• Pasukan Pusat Data sebanyak empat (4) isu iaitu menurun sebanyak dua (2) isu berbanding tahun 2022;<br>• Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti sebanyak satu (1) isu iaitu menurun sebanyak satu (1) isu berbanding tahun 2022; dan<br>• Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah sebanyak enam (6) isu dan tiada perbandingan dapat dibuat memandangkan ianya merupakan pasukan baharu ISMS bermula tahun 2023.<br><br>iv. pecahan tiga (3) kategori utama isu ISMS yang direkodkan adalah:<br><br>• infrastruktur/persekitaran sebanyak lima (5) isu;<br>• teknologi maklumat dan komunikasi sebanyak 13; dan<br>• lain-lain sebanyak empat (4) isu. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | v. antara isu yang terlibat dengan pelaksanaan ISMS UPM adalah seperti berikut:<br><br>• Gangguan sistem semasa hari pendaftaran pelajar baharu prasiswazah dan siswazah dan semasa pelaksanaan penilaian pengajaran prasiswazah (SMP, eDaftar, iGIMS, PutraENROLL, BlastTA) (27%);<br>• Lain-lain isu seperti data yang diinput pelajar tidak tepat dalam Sistem eDaftar dan pengguna tidak mematuhi kriteria keperluan Sistem eDaftar dan PutraENROLL) (18%);<br>• Gangguan internet semasa hari pendaftaran pelajar baharu prasiswazah dan siswazah (13%);<br>• Gangguan elektrik semasa hari pendaftaran pelajar baharu prasiswazah dan siswazah (13%);<br>• Ketiadaan liputan internet di kawasan pendalaman (13%); dan<br>• Ancaman serangan siber (13%).<br><br>vi. perbandingan isu luaran dan dalaman ISMS mengikut kategori isu dari tahun 2020 hingga 2023. | |
| | (e) mengambil maklum isu luaran dan dalaman ISMS yang dikenalpasti oleh setiap pasukan ISMS beserta risiko dan kawalannya dipantau secara berkala di peringkat Jawatankuasa Kerja ISMS UPM. | **Makluman** |
| **13.5** | **KEPUASAN PELANGGAN DAN MAKLUM BALAS PIHAK BERKEPENTINGAN**<br><br>**13.5.1 Kepuasan Pelanggan dan Maklum Balas Pihak Berkepentingan QMS**<br><br>Mesyuarat mengambil perhatian laporan maklumbalas kepuasan pelanggan dan maklum balas pihak berkepentingan QMS yang dibentangkan sebagaimana **Lampiran Kertas Agenda 5(a)** seperti berikut: | |
| | (a) maklumbalas menerusi Sistem U-RESPON bagi tahun 2022 merekodkan sebanyak 236 maklum balas yang merangkumi 84 aduan, 12 cadangan, 9 penghargaan dan 131 pertanyaan telah diterima daripada empat kategori pengguna iaitu staf UPM, pelajar, orang awam,dan pembekal bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2022. | **Makluman** |
| | (b) maklumbalas menerusi Sistem U-RESPON bagi tahun 2023 merekodkan sebanyak 229 maklum balas yang merangkumi 82 aduan, 10 cadangan,7 penghargaan dan 130 pertanyaan telah diterima daripada empat kategori pengguna iaitu staf UPM, pelajar, orang awam,dan pembekal bagi tempoh 1 Januari hingga 18 Ogos 2023. | **Makluman** |
| | (c) mengambil maklum bagi tahun 2022 sebanyak 191 maklumbalas telah selesai diambil tindakan dan ditutup, | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (d) manakala 31 maklum balas sedang dalam proses diambil tindakan dan 14 maklumbalas belum diambil tindakan oleh PTJ yang terlibat. | |
| | (e) mengambil maklum bagi tahun 2023 sebanyak 180 maklumbalas telah selesai diambil tindakan dan ditutup, manakala 45 maklum balas sedang dalam proses diambil tindakan dan 4 maklumbalas belum diambil tindakan oleh PTJ yang terlibat. | **Makluman** |
| | (f) mesyuarat meminta PTJ yang masih belum mengambil tindakan menjawab maklumbalas U-RESPON mengambil tindakan segera untuk menjawab dan menutup maklumbalas ini. | **TWP PP - HSAAS,PSP, Penerbit,OSH, FPV, Akademi Sukan & Pej. Bursar** |
| | (g) mengambil maklum tindakan penambahbaikan berterusan yang diambil termasuklah menghantar surat pemakluman kepad ketua PTJ yang tidak mengambil tindakan, mengadakan mesyuarat secara berkala antara Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU) dan Timbalan Penyelaras Kepuasan Pelanggan (TPKP) sebanyak 4 kali setahun dan meningkatkan komunikasi dua hala dengan mewujudkan satu *WhatsApp group* bagi memastikan komunikasi disalur dengan berkesan. | **Makluman** |
| | (h) mengambil perhatian laporan pelaksanaan Kajian Kepuasan Pelanggan tahun 2022 mengikut skop dan jumlah responden dengan hasil dapatan skor min keseluruhan sepertimana berikut:<br><br>i. Skop Pengajian Prasiswazah telah mendapat skor min keseluruhan 4.06;<br>ii. Skop Pengajian Siswazah telah mendapat skor min keseluruhan 4.22;<br>iii. Skop Penyelidikan dan Inovasi telah mendapat skor min 4.15; dan<br>iv. Skop Perkhidmatan Sokongan telah mendapat skor min 3.96. | **Makluman** |
| | (i) mengambil perhatian laporan pelaksanaan Kajian Kepuasan Pelanggan tahun 2023 setakat 18 Ogos 2023 mengikut skop dan jumlah responden dengan hasil dapatan skor min keseluruhan sepertimana berikut:<br><br>i. Skop Pengajian Prasiswazah telah mendapat skor min keseluruhan 4.15;<br>i. Skop Pengajian Siswazah telah mendapat skor min keseluruhan 4.06;<br>ii. Skop Penyelidikan dan Inovasi telah mendapat skor min 3.63; dan<br>iii. Skop Perkhidmatan Sokongan telah mendapat skor min 4.06. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|

(j) mengambil perhatian item yang mendapat skor di bawah min 4.00 adalah seperti berikut: | **Makluman**

| | |
|---|---|
| Skop Prasiswazah | Kemudahan wifi/U-spot di Fakulti/Institut (Min 3.43) |
| Skop Siswazah | Kemudahan wifi/U-spot di Fakulti/Institut (Min 3.99) |
| Skop Penyelidikan dan Inovasi | Pengurusan Penyelidikan Penggunaan PRIMS dalam pengurusan maklumat/data penyelidikan pegawai akademik (Min 3.99) |
| Skop Perkhidmatan Sokongan | Kemudahan Komunikasi : Melalui surat (Min 3.54) |

(k) mengambil perhatian tentang item-item yang mendapat skor rendah dan memerlukan penambahbaikan agar diberi perhatian serius oleh PTJ dan peneraju proses berkenaan; | **Peneraju Proses Berkenaan**

(l) mengambil perhatian terdapat isu-isu yang direkodkan semasa pelaksanaan kajian kepuasan sehubungan itu satu Jawatankuasa Khas Penggubalan Item Soal Selidik KKP 2.0 telah ditubuhkan bagi menambahbaik kajian ini. Soal selidik KKP 2.0 ini diadaptasi dari model SERVQUAL dan kajian rintis telah dijalankan bermula 24 Julai 2023 hingga 6 Ogos 2023. Soal selidik KKP 2.0 telah mula digunakan mulai 5 September 2023. | **Makluman**

(m) mengambil perhatian berkenaan maklumbalas pihak berkepentingan QMS tahun 2022 yang merangkumi tiga (3) skop utama iaitu Pengajaran dan Pembelajaran, Penyelidikan dan Inovasi serta Jaringan Industri dan Masyarakat; | **Makluman**

| SKOP KAJIAN | PENERAJU | TEMPOH KAJIAN | PIHAK BERKEPENTINGAN |
|---|---|---|---|
| PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN | PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA) | APRIL - OGOS 2022 | • BAKAL PELAJAR<br>• PELAJAR TAHUN 2<br>• PENAJA |
| PENYELIDIKAN DAN INOVASI | PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN & INOVASI) | APRIL – JUN 2022 | • PENYELIDIK<br>• INDUSTRI |
| JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT | PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT) | OGOS – OKT 2022 | • STAF UPM<br>• INDUSTRI<br>• KOMUNITI |

(n) bagi Skop Pengajaran dan Pembelajaran bilangan responden bagi penaja adalah sebanyak 37 dengan 25 soalan manakala bilangan responden untuk pelajar adalah sebanyak 412 dengan 40 soalan. Purata min bagi penaja adalah 3.86 dari skala 5 manakala untuk pelajar adalah 3.77 dari skala 5; | **Makluman**

(o) mengambil perhatian maklum balas Skop Pengajaran dan Pembelajaran iaitu bagi pelajar dan penaja terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh peneraju kerana mendapat purata skor min kurang memuaskan iaitu berkenaan perkara berikut; | **TWP PP PEJ TNCAA**

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|

| SOALAN PENAJA | SKOR |
|---|---|
| Penaja memberi tajaan tanpa komitment untuk mengambil pelajar berkhidmat dengannya. | 2.68 |
| Penaja tidak menggalakkan pelajar menukar program pengajian | 2.00 |

| SOALAN PELAJAR | SKOR |
|---|---|
| Secara keseluruhan, anda berpuas hati dengan ‘tempoh menunggu’ di antara tarikh penghantaran tesis sehingga tarikh viva yang ditetapkan (pelajar siswazah) (Nota: Soalan No. 6 ini hanya perlu dijawab oleh pelajar siswazah dalam mod penyelidikan) | 0.90 |
| Proses pendaftaran kursus setiap semester adalah mudah dan tidak membebankan | 2.55 |
| Capaian internet di dalam bilik kuliah adalah memuaskan | 2.61 |

(p) bagi skop Penyelidikan dan Inovasi kajian pada tahun 2022 tidak dijalankan dan akan dijalankan pada tahun 2023.

**Makluman**

(q) bagi skop kajian Jaringan Industri dan Masyarakat hasil kajian adalah seprti berikut:

**Makluman**

| | Bilangan Responden | Bilangan Soalan | Purata Min |
|---|---|---|---|
| Industri | 79 | 10 | 4.01/5.00 |
| Staf UPM | 1131 | 32 | 3.70/5.00 |
| Komuniti | | 5 | Tiada analisa kerana data tidak mencukupi |

**13.5.2 Maklum balas Pihak Berkepentingan ISMS**

Mesyuarat mengambil maklum laporan maklumbalas pihak berkepentingan ISMS tahun 2022 yang dibentangkan oleh Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU) sebagaimana perincian pada **Lampiran Kertas Agenda 5.0 (b)** seperti berikut;

(a) Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah dilaksanakan semasa Minggu Perkasa Putra sesi kemasukan semester 2022/2023 Kampus Serdang dan Bintulu, yang melibatkan seramai 3,289 responden yang mendaftar secara dalam talian (online) dari 10 kolej kediaman iaitu 67.8% responden perempuan dan 32.2% responden lelaki iaitu soal selidik secara atas talian dan pengukuran menggunakan skala likert 1 hingga 5.

**Makluman**

(b) Peratusan pelajar yang menjawab soal selidik adalah sebanyak 92.2% berbanding 88% pada tahun 2021 iaitu peningkatan sebanyak 5.8%.

**Makluman**

(c) Hasil laporan analisis soal selidik mendapati 94.65% pelajar baharu yang mendaftar berpuas hati pada skala 4.00 sehingga 5.00 bagi soalan 1-6 berdasarkan perkhidmatan yang diberikan semasa hari pendaftaran;

**Makluman**

(d) Analisis kepuasan pemegang taruh menunjukkan 96% menjawab pada skala 4 dan skala 5. Ia membuktikan pelajar baharu UPM sesi 2022/2023 berpuashati dengan Sistem

**Makluman**

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (e) Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dalam proses pendaftaran pelajar baharu di Universiti Putra Malaysia (sasaran adalah 80%); | |
| | (f) Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah ambilan program Diploma dan Persediaan Diploma Sains dilaksanakan semasa Minggu Perkasa Putra sesi kemasukan semester 2022/2023 Kampus Bintulu, yang melibatkan seramai 211 responden iaitu 51.0% responden perempuan dan 49.0% responden lelaki iaitu soal selidik secara atas talian dan pengukuran menggunakan skala likert 1 hingga 5. | **Makluman** |
| | (g) Analisis kepuasan pemegang taruh menunjukkan 95.9% menjawab pada skala 4 dan skala 5. Ia membuktikan pelajar baharu UPM sesi 2022/2023 berpuashati dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dalam proses pendaftaran pelajar baharu di Universiti Putra Malaysia (sasaran adalah 80%); | **Makluman** |
| | (h) Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Semester Kedua Sesi 2021/2022 telah dilaksanakan pada 21 Mac hingga 30 April 2022 9Diploma) dan 30 Mei hingga 14 Julai 2022 (Bacelor). Ia dilaksanakan secara atas talian menggunakan aplikasi *Google Form*. Jumlah responden adalah seramai 427 (Diploma) dan 3041 (Bacelor); | **Makluman** |
| | (i) Secara keseluruhan , 81.98% (n=3468) pelajar memberikan penilaian antara 4.00-5.00 terhadap tahap keselamatan maklumat penilaian pengajaran UPM, manakal 18.01% (n=762) memberikan penilaian kurang dari 4.00 seperti rajah: | **Makluman** |

| Bil | Julat skor | Tahap pencapaian | Frekuensi | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Bil. | Peratus | Peratus |
| 1 | <3.50 | Tidak memuaskan | 251 | 5.93 | 18.01 |
| 2 | 3.50 - 3.99 | Sederhana | 511 | 12.08 | |
| 3 | 4.00 - 4.49 | Baik | 2,210 | 52.25 | 81.99 |
| 4 | 4.50 - 5.00 | Cemerlang | 1,258 | 29.74 | |
| | | Jumlah | 4,230 | 100.00 | 100.00 |

Ini menunjukkan pelajar yakin dengan tahap keselamatan maklumat di UPM

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (j) mesyuarat turut membincangkan berkenaan skor tahap pencapaian pensyarah di mana amalan sekarang adalah kursus yang bersesuaian akan dimulakan bagi pensyarah yang mendapat skor bawah 3.50. Mesyuarat bersetuju agar skor ini dinaikkan di mana pensyarah yang mendapat skor 3.99 dan ke bawah akan turut diambil tindakan menjalani kursus yang bersesuaian yang akan dikendalikan oleh CADe-Lead dan fakulti. | **TWP CADe-Lead<br>TWP PP PEJ.<br>TNCAA** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| 13.6 | **MAKLUMAT PRESTASI DAN KEBERKESANAN QMS & ISMS** | |
| | **13.6.1 Pencapaian Objektif Kualiti** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum: | |
| | (a) Objektif Kualiti merupakan keperluan Standard ISO 9001:2015 di bawah Klausa 6.2.1. Objektif Kualiti UPM terdiri daripada tiga (3) kategori iaitu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM, pencapaian Pelan Tindakan peringkat Fungsian dan Aras, dan Piagam Pelanggan (terdiri daripada proses utama Universiti, proses sokongan dan operasi perkhidmatan sokongan). | **Makluman** |
| | (b) Penyediaan Objektif Kualiti ini menunjukkan kepimpinan dan komitmen pengurusan atasan sebagaimana Klausa 5.1. | **Makluman** |
| | **13.6.1.1 Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 2022 dan Penetapan KPI 2023** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum pembentangan laporan pencapaian KPI sukuan keempat (Q4) 2022 dan penetapan serta pencapaian KPI sukuan kedua (Q2) 2023 sebagaimana **Lampiran Kertas Agenda 6.1 (a)** seperti berikut; | |
| | (a) mengambil maklum Pencapaian KPI 2022 telah dibincang dan dibentangkan semasa Bengkel Penilaian Pencapaian KPI Sukuan Keempat (Q4) tahun 2022 pada 17 Januari 2023 dan Bengkel Penetapan KPI 2023 telah diadakan pada 16 Februari 2023; | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum KPI UPM tahun 2022 kesemuanya adalah sebanyak 48 dan pencapaian KPI secara keseluruhan adalah sebanyak 92.93% iaitu pada tahap hijau, daripada 48 KPI, sebanyak 28 telah mencapai 100% ,12 KPI pada tahap kuning antara 75%-99% dan 7 KPI bawah 74%, manakala 1 KPI belum dinilai. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (c) mengambil maklum pencapaian KPI Q4 mengikut skop pada tahun 2022 adalah seperti berikut: | **Makluman** |

| SKOP | PERATUSAN PENCAPAIAN |
|---|---|
| Akademik & Antarabangsa | 92.0 |
| Penyelidikan & Inovasi | 82.6 |
| Sumber Manusia | 97.18 |
| Hal Ehwal Pelajar & Alumni | 100 |
| Jaringan Industri & Masyarakat | 100 |
| Pertanian | 88.3 |
| Perkhidmatan Perpustakaan & ICT | 99.0 |
| Pengurusan Kewangan & Aset | 93.29 |
| Kemampanan Kewangan | 72.61 |

(d) mengambil perhatian bagi skop Akademik dan Antarabangsa terdapat tiga KPI yang tidak mencapai sasaran seperti berikut:

**TWP PP PEJ. TNCAA**

| KPI | Pencapaian | Sasaran |
|---|---|---|
| 1. Peratusan iGOT<br>PhD (7 semester)<br>PhD (8 semester) | <br>14.5%<br>22.0% | <br>20%<br>30.4% |
| 2. Pelajar Mobiliti<br>% pelajar bergraduat yang mengikuti program mobiliti | 11% | 15% |
| 3. Program Summer School | 34.8% | 63.1% |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (e) mengambil maklum bagi skop Penyelidikan dan Inovasi, KPI yang tidak mencapai sasaran adalah seperti berikut; | **TWP PP TNCPI Peneraju Pertanian** |

| KPI | Pencapaian | Sasaran |
|---|---|---|
| Bilangan artikel jurnal diterbitkan dalam Science atau Nature | 0 | 1 |
| Bilangan jurnal UPM baharuyang terindeks dalam senarai Journal Citation Reports | 1 | 3 |
| Jumlah geran penyelidikan yang diterima | RM34 juta | RM90 juta |
| Penjanaan pendapatan (pelesenan teknologi atau know-how jualan terus dan produk dikomersialkan) | RM0.52 juta | RM2.5 juta |

(f) mengambil maklum bagi skop pertanian terdapat lima sub KPI yang tidak mencapai sasaran iaitu di bawah KPI visibiliti Pertanian seperti berikut;

| KPI | Pencapaian | Sasaran |
|---|---|---|
| 1. Visibiliti Pertanian | | |
| Bilangan staf yang dilantik sebagai panel dengan agensi/institusi/ peringkat antarabangsa | 99 | 220 |
| Bilangan staf dilantik sebagai panel Penasihat/ penilai/ JK Badan Profesional/ Institusi/perstauan berkaitan bidang di peringkat kebangsaan | 156 | 270 |
| QS Global Ranking By Subject | 80 | Top 76 |
| 2. Graduan Keusahawantani | | |
| Usahawan pelajar dan graduan yang mendaftarkan syarikat berasaskan pertanian | 19 | 50 |
| 3. Pusat Rujukan Pengembangan Pertanian Tropika | | |
| Bilangan Projek Pengembangan Pertanian Berimpak | 34 | 200 |

| | | |
|---|---|---|
| | (g) mengambil maklum peneraju-peneraju KPI yang tidak mencapai sasaran tahun 2022 telah mengambil tindakan dan inisiatif untuk meningkatkan pencapaian KPI tahun 2023; | **Tindakan: Semua Peneraju** |
| | (h) mengambil maklum bagi tahun 2023 terdapat pengubahsuaian/pertambahan KPI iaitu jumlah keseluruhan KPI UPM tahun 2023 adalah sebanyak 50; | **Makluman** |
| | (i) mengambil maklum pencapaian keseluruhan KPI sukuan kedua Q2 2023 adalah hijau iaitu 81.13 di mana 25 KPI mencapai 100%, 7 KPI adalah tahap kuning (75%-99%), 14 KPI pada tahap merah (74% ke bawah) dan 4 KPI belum dinilai. Hebahan laporan pencapaian KPI sukuan kedua Q2 akan dibuat secara edaran. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | **13.6.1.2 Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras 2022** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum Laporan Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Tahun 2022 yang dibentangkan oleh Wakil Pengurusan UPM serta mengambil tindakan berikut: | |
| | (a) mengambil maklum sebanyak 74 petunjuk prestasi telah diukur pada tahun 2022 dengan pecahan seperti berikut:<br>• Tiga (3) objektif bagi skop proses prauniversiti, melibatkan tiga (3) petunjuk prestasi;<br>• Lapan (8) objektif bagi skop proses utama, melibatkan 11 petunjuk prestasi;<br>• Lapan (8) objektif bagi skop proses sokongan, melibatkan 11 petunjuk prestasi; dan<br>• 41 objektif bagi skop proses operasi perkhidmatan sokongan, melibatkan 49 petunjuk prestasi. | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum ringkasan pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Tahun 2022 adalah seperti berikut:<br>• Secara keseluruhan, 67 petunjuk prestasi mencapai sasaran (90.54%) dan tujuh (7) petunjuk prestasi tidak mencapai sasaran (9.46%); dan<br>• Pencapaian mengikut skop proses iaitu proses prauniversiti sebanyak 100.00%, proses utama sebanyak 90.91%, proses sokongan sebanyak 81.82% dan proses operasi perkhidmatan sokongan sebanyak 91.84%. | **Makluman** |
| | (c) mengambil maklum perincian pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Tahun 2022 mengikut skop dan peneraju proses adalah sebagaimana di **Lampiran Kertas Agenda 6.1 (b).** | **Makluman** |
| | (d) mengambil maklum tujuh (7) petunjuk prestasi tahun 2022 yang tidak mencapai sasaran telah dilaksana tindakan pembetulan oleh peneraju proses yang terlibat. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | **13.6.1.3 Pencapaian Piagam Pelanggan Tahun 2022**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum berhubung Pencapaian Piagam Pelanggan tahun 2022 sebagaimana **Lampiran Kertas Agenda 6.1 (c)**, serta mengambil tindakan berikut:<br><br>(a) mengambil perhatian sebanyak 26 jumlah keseluruhan Piagam Pelanggan Proses Utama meliputi 8 Pra Siswazah, 12 Siswazah dan 6 Penyelidikan dan Inovasi, di mana maklumbalas keseluruhan adalah 20 Piagam Pelanggan dapat dicapai manakala 6 Piagam Pelanggan adalah tidak tercapai.<br><br>(b) mengambil perhatian 6 Piagam Pelanggan Proses Utama yang tidak dicapai telah dikenal pasti punca penyebab dan telah diambil tindakan pembetulan oleh peneraju bagi memastikan ia tidak berulang dan dapat mencapai sasaran pada tahun 2023 . Maklumat terperinci adalah seperti pada **Lampiran B**.<br><br>(c) mengambil perhatian sebanyak 124 jumlah keseluruhan Piagam Pelanggan Proses Operasi dan Sokongan dengan 113 Piagam Pelanggan dapat dicapai, manakala sebanyak 13 Piagam Pelanggan adalah tidak tercapai.<br><br>(d) mengambil maklum Piagam Pelanggan Proses Operasi dan Sokongan yang tidak tercapai telah dikenal pasti punca penyebab dan telah diambil tindakan oleh setiap peneraju yang berkenaan bagi memastikan ia tidak berulang dan dapat mencapai sasaran pada tahun 2023. Maklumat terperinci adalah seperti pada **Lampiran C**; | **Makluman**<br><br>**Makluman**<br><br>**Makluman**<br><br>**Makluman** |
| | (e) mengambil maklum perbandingan pencapaian Piagam Pelanggan 2021 dan 2022 seperti berikut: | **Makluman** |

| | Capai 2021 | Capai 2022 | Tidak Capai 2021 | Tidak Capai 2022 |
|---|---|---|---|---|
| Pra Siswazah | 7 | 8 | 1 | 0 |
| Siswazah | 10 | 6 | 2 | 6 |
| Penyelidikan dan Inovasi | 6 | 6 | 0 | 0 |
| Operasi dan Sokongan | 103 | 111 | 19 | 13 |

| | | |
|---|---|---|
| | **13.6.1.4 Pencapaian Objektif Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Tahun 2022**<br>Mesyuarat:<br>(a) mengambil maklum Laporan Pencapaian Objektif Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat tahun 2021 yang telah dibentangkan oleh Wakil Timbalan Wakil Pengurusan ISMS adalah seperti pada **Lampiran Kertas Agenda 6.1 (d).** | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (b) mengambil maklum kesemua empat (4) Objektif ISMS yang telah diukur pada tahun 2022 mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu: | **Makluman** |

| Bil | Penyataan Objektif | Sasaran | Pencapaian | Peneraju |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Memastikan tahap keyakinan pelajar baharu terhadap keselamatan maklumat semasa proses pendaftaran | 80% | **Capai sasaran** - **96.00% (Pelajar Bacelor)** (UPM Serdang & Bintulu) **Capai Sasaran - 95.90% (Pelajar Diploma)** (UPM Bintulu) | Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu) |
| 2. | Memastikan ketersediaan aplikasi Sistem Maklumat Pelajar (SMP) untuk urusan pendaftaran pelajar baharu | 95% | **Capai sasaran** – **100%** (Sistem berfungsi dengan baik semasa sesi pendaftaran pelajar baharu Diploma dan Bacelor tahun 2022) | Pasukan Pusat Data |
| 3. | Memastikan ketersediaan aplikasi Penilaian Pengajaran (BlastTA) untuk urusan penilaian pengajaran | 95% | **Capai sasaran** - **98.72%** (Sistem berfungsi dengan baik sepanjang tempoh penilaian pengajaran pelajar Diploma dan Bacelor tahun 2022) | Pasukan Pusat Data |
| 4. | Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik | 80% | **Capai sasaran** - **81.98%** [berdasarkan Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Prasiswazah (Diploma dan Bacelor) Semester Kedua 2021/2022] | Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti |

(c) mengambil maklum objektif keselamatan maklumat dipantau dan diukur keberkesanannya dua (2) kali setahun melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS dan Jawatankuasa Kualiti UPM bagi memastikan kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan tindakan dalam Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM. — **Makluman**

**13.6.2 Ketakakuran dan Tindakan Pembetulan QMS dan ISMS**

Mesyuarat mengambil maklum Laporan Ketakakuran dan Tindakan Pembetulan sebagaimana pada **Lampiran Kertas Agenda 6.2**. Mesyuarat:

(a) mengambil maklum ketakakuran dan tindakan pembetulan telah dilaksanakan berdasarkan keperluan Standard Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015 Klausa 10.2 dan Sistem Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 Klausa 10.1, dan perlu dilaporkan dalam MKSP bagi mematuhi Klausa 9.3; — **Makluman**

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (b) mengambil perhatian sumber ketakakuran yang direkodkan adalah sebagaimana berikut:<br><br>i. QMS:<br>Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM yang tidak mencapai sasaran, Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras yang tidak mencapai sasaran, Piagam Pelanggan yang tidak mencapai sasaran, Aduan Pelanggan, Laporan Ketakakuran (NCR) Audit SIRIM dan Laporan Ketakakuran (NCR) Audit Dalaman.<br><br>ii. ISMS:<br>Objektif ISMS yang tidak mencapai sasaran, Aduan Pelanggan/Pihak Berkepentingan berkaitan ISMS, Laporan Ketakakuran (NCR) Audit SIRIM, dan Laporan Ketakakuran (NCR) Audit Dalaman. | **Makluman** |
| | (c) bilangan ketakakuran/tidak mencapai sasaran QMS yang telah dikenal pasti berjumlah 339 seperti berikut: | **Makluman** |

| | |
|---|---|
| i. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM Q4/2022 | 18 |
| ii. Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Q4/2022 | 7 |
| iii. Piagam Pelanggan Q4/2022 | 23 |
| iv. Aduan Pelanggan Q4/2022 | 85 |
| v. Laporan Ketakakuran (NCR) Audit SIRIM Tahun 2022 | 0 |
| vi. Laporan Ketakakuran (NCR) Audit Dalaman Tahun 2023 | 206 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **339** |

(d) bilangan ketakakuran/tidak mencapai sasaran ISMS yang telah dikenal pasti berjumlah 11 seperti berikut: **Makluman**

| | |
|---|---|
| i. Objektif ISMS Q4/2022 | 0 |
| ii. Aduan Pelanggan/ Pihak Berkepentingan dengan ISMS | 0 |
| iii. Laporan Ketakakuran (NCR) Audit SIRIM ISMS tahun 2022 | 0 |
| iv. Laporan Ketakakuran (NCR) Audit Dalaman ISMS tahun 2023 | 11 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **11** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (e) perbandingan laporan ketakakuran yang dilaporkan dalam MKSP ISO 2022 dan 2023 adalah sebagaimana graf dalam Lampiran Kertas Agenda 6.2 yang menunjukkan berlaku peningkatan bilangan ketakakuran sebanyak 141 bagi QMS dan sebanyak 10 bagi ISMS. | **Makluman** |
| | (f) mengambil perhatian tindakan pembetulan bagi setiap ketakakuran yang dilaporkan ini diambil tindakan/ dibentangkan di peringkat PTJ/Peneraju melalui saluran komunikasi yang berkaitan. | **Makluman** |
| | **13.6.3 Penemuan Audit** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum Laporan Penemuan Audit yang telah dibentangkan sebagaimana pada **Lampiran Kertas Agenda 6.3.** | |
| | **13.6.3.1 Audit SIRIM QMS dan ISMS Tahun 2022** | |
| | (a) **<u>Audit SIRIM QMS</u>** | |
| | Mesyuarat: | |
| | i. mengambil maklum Audit Pemantauan Semakan 1 Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015 pada tahun 2022 telah dilaksanakan pada 17 - 21 Oktober 2022 di Kampus Serdang dan Bintulu. | **Makluman** |
| | ii. mengambil maklum seramai 10 orang Juruaudit telah melaksanakan audit selama 5 hari secara fizikal sepenuhnya. | **Makluman** |
| | iii. mengambil maklum penemuan audit yang diterima oleh UPM adalah tiada laporan Ketakakuran (NCR) dan 16 Peluang Penambahbaikan (OFI). | **Makluman** |
| | iv. mengambil perhatian bukti tindakan OFI Audit SIRIM 2022 yang dilaksana oleh PTJ akan disemak keberkesanan tindakan pada Audit SIRIM tahun 2023. | **Tindakan: PTJ yang berkaitan** |
| | v. mengambil maklum perbandingan penemuan audit SIRIM tahun 2021 dan 2022 yang mana berlaku peningkatan penemuan audit seperti berikut: | **Makluman** |

| Penemuan Audit | 2021 | 2022 |
|---|---|---|
| NCR | 1 | 0 |
| OFI | 8 | 16 |

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA / CATATAN</th><th>TINDAKAN/ MAKLUMAN</th></tr>
<tr><td></td><td>(b) <u>Audit SIRIM ISMS</u><br>Mesyuarat:</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>i. mengambil maklum Audit Pemantauan Semakan 1, Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 pada tahun 2022 telah dilaksanakan secara bersama dalam tempoh pelaksanaan Audit SIRIM QMS pada 17 - 21 Oktober 2022.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>ii. mengambil maklum seramai dua Juruaudit SIRIM telah melaksanakan audit selama 5 hari.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>iii. mengambil maklum hasil penemuan audit yang diterima oleh UPM adalah tiada laporan Ketakakuran (NCR) dan 3 Peluang Penambahbaikan (OFI).</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>iv. mengambil perhatian bukti tindakan OFI Audit SIRIM 2022 yang dilaksana oleh PTJ akan disemak keberkesanan tindakan pada Audit SIRIM tahun 2023.</td><td>Tindakan: Semua PTJ yang berkaitan</td></tr>
